

31/03/2001

Pakar Malaysia mampu bedah tulang belakang

Misiah Taib

KUCHING, Jumaat - Malaysia mempunyai tenaga pakar yang mendapat pengiktirafan dunia serta mampu melakukan pembedahan tulang belakang terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, berkata kini terpulang kepada bekas Timbalan Perdana Menteri itu untuk memilih sama ada mahu dibedah pakar tempatan atau pakar luar negara.

"Dia nak orang luar atau asing yang pandang rendah kebolehan kita atau dia nak pakar-pakar yang dia pernah uji sebelum ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan sambutan Hari Tibi Sedunia 2001 Peringkat Kebangsaan di Tebingan Kuching, di sini, hari ini.

Beliau mengulas usaha pihak tertentu yang mahukan Anwar menjalani pembedahan di luar negara, setelah isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, mendakwa Anwar tidak mendapat layanan istimewa sebagai banduan di negara ini.

Semalam di Dewan Rakyat, seorang penyokong kerajaan mempersoal dakwaan pakar dari Jerman, Dr Thomas Hoogland, kononnya pakar bius tempatan tidak mempunyai pengalaman melakukan pembedahan sakit tulang belakang.

Datuk Dr Yusof Yacob (BN-Sipitang) menyifatkan kenyataan pakar itu sebagai penghinaan besar dan adalah tidak beretika seorang pakar merendahkan kepakaran rakan sejawatnya.

Dr Hoogland yang merawat Anwar baru-baru ini, mencadangkan agar Anwar menjalani pembedahan di kliniknya di Munich, kerana pakar bius tempatan tidak mempunyai cukup kepakaran dan kelengkapan.

Akhbar semalam turut melaporkan kenyataan, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kecewa dengan sikap Dr Wan Azizah yang mendakwa suaminya tidak mendapat layanan istimewa sebagai banduan.

Dalam sejarah Malaysia menurut Perdana Menteri, belum ada banduan mendapat layanan seistimewa Anwar, yang diberi pelbagai kelonggaran dan kemudahan.

Chua juga tidak menafikan kemungkinan ada agenda politik di sebalik usaha serta desakan pihak tertentu, agar Anwar dibenarkan menjalani rawatan di luar negara.

"Kita tahu ada motif dan usaha dilakukan (orang pembangkang) menyuruh kerajaan supaya Anwar pergi ke luar negara (menjalani pembedahan). Ini satu agenda politik," katanya.

(END)